

Dari Sebulan ke Sebulan

Dato' Syed Ibrahim Alsagoff telah meletakkan jawatannya daripada menjadi Yang di-Pertua *Jamiyah* apabila sahaja di dalam dua mesyuarat jawatankuasa *Jamiyah* ahli-ahli jawatankuasa “tidak mahu mengikut nasihat beliau” untuk menyertai Muktamar Badan-badan Islam yang dianjurkan oleh Pertubuhan Muslimin. Beliau tidak berpuas hati dengan berhenti begitu sahaja. Beliau terus mengeluarkan suatu kenyataan yang dialamatkan kepada Tuan Haji Danjur Setiausaha *Jamiyah* dan meminta pula dibahagi-bahagikan bukannya sahaja kepada jawatankuasa tetapi kepada lain-lainnya termasuk kepada akhbar.

Setelah menunjukkan bahawa pendapat beliau itulah sahaja yang benar maka beliau pun mencabar pihak-pihak pembangkangnya dan tidak begitu sahaja lalu “membudak-budakkam” ahli-ahli jawatankuasa *Jamiyah* yang tidak bersetuju itu.

(Keputusan didapati 7 lawan 2. Satu dari dua orang itu ialah Naib Yang di-Pertua *Jamiyah* yang juga jadi Bendahari Pertubuhan Muslimin).

Bahkan tidak di situ sahaja – beliau lalu membangkit-bangkit dengan berkata:

“Saya telah menyandang jawatan Yang di-Pertua daripada beberapa pertubuhan-pertubuhan yang penting selama berpuluh-puluh tahun di antaranya Persekutuan Seruan Islam 28 tahun dan Majlis Penasihat Islam 17 tahun, Jawatankuasa Pengasas Kolej Islam 6 tahun dan jawatankuasa pentadbirannya 3 tahun sehingga Kolej telah berdiri tegak di atas kakinya sendiri dan beberapa pertubuhan yang lain dan saya telah mengambil bahagian dalam beberapa muktamar-muktamar Islam tempatan dan sedunia dan saya telah menjadi anggota yang paling kanan dan lama dalam kalangan

perkhidmatan diplomatik di sini bahkan saya telah sampai kepada jawatan yang paling tinggi di kalangan perkhidmatan diplomatik Singapura dengan menyandang jawatan Konsul Agung dan saya telah dikurniakan beberapa bintang dan pingat.”

* * *

Mendengar kata-kata Dato' Syed Ibrahim Alsagoff dengan seolah-olah kata-kata aku telah aku dan aku jika orang tidak mengenal beliau sebagai seorang ketua agama dan ahli pula dalam perkara agama, dan sekiranya orang lain yang akan berkata begitu tentulah orang ramai akan teringat kepada riwayat Iblis yang berkata: “Aku lebih baik daripadanya” tetapi kerana beliau yang berkata itu seorang ahli agama tentulah orang-orang akan tidak sampai begitu sekali berkata begitu. Orang harus hanya akan berkata bahawa perbuatan ini tidaklah patut dikeluarkan oleh beliau sendiri tetapi orang ramai mengenal beliau dengan tidak payah beliau berkata-kata begitu begini terhadap diri beliau.

* * *

Telah berkata lagi Dato' Syed Ibrahim di dalam siarannya itu: “ saya mengambil bahagian besar dengan tenaga dan wang untuk membangunkan *Jamiyah* yang ada sekarang ini sebanyak dua kali; sayalah yang menjadi Yang di-Pertuanya berpuluh-puluh tahun dan saya telah mencampuri sekalian urusan-urusannya dan tidak logik dengan keadaan yang saya huraikan tadi pihak pembangkang lebih mempunyai perasaan mengutamakan segala perkara kepentingan *Jamiyah* lebih dari saya sendiri.”

Mendengar ini orang-orang yang mengerti hanya berkata,

harus Dato' Syed Ibrahim Alsagoff terlupa kepada ayat Tuhan di dalam surat al-Baqarah ayat 264 yang maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu membatalkan sedekah-sedekahmu dengan membangkit-bangkit dan dengan gangguan-gangguan ...” hingga seterusnya.

Masa sekarang bukan masa membangkit-bangkit apa jasa dan pemberian yang diberikan. Seharusnya beliau sebagai pemimpin Islam menunjukkan ajaran Nabi bahawa apa yang telah diberikan atau disedekahkan janganlah disebut-sebut lagi. Kalau disebut-sebut juga, tentunya melanggar ajaran Islam.

* * *

Muktamar Badan-badan Islam yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan Muslimin Singapura baharu-baharu ini dipengerusikan oleh Encik Buyong Adil. Beliau ialah seorang ahli sastera Melayu dan ahli bahasa yang terkenal dan dikenal orang, terutamanya orang-orang di Singapura. Di dalam mesyuarat itu, khabarnya apabila Yang di-Pertua Pertubuhan Islam menganjurkan muktamar itu bercakap panjang, beliau syok mendengarnya, lalu panjanglah ucapan itu tetapi khabarnya apabila orang lain bercakap, beliau sekat supaya bercakap ringkas. Orang bertanya apakah ini adil? Jawabnya namanya Adil tetapi perbuatannya tidak adil!

* * *

Perbalahan yang kuat terjadi menghendaki supaya *Jamiyah* menyertai muktamar, salah seorang daripada dua orang itu ialah Naib Yang di-Pertua *Jamiyah* sendiri yang juga menjadi Bendahari Pertubuhan Muslimin yang menganjurkan muktamar itu. Tatkala hal ini diketahui orang – orang hanya berkata: “Patutlah!” Patut apa – tidak diteruskannya. Katanya tahu sama tahu sahajalah.

* * *

Tengku Muhammad Osman, yang dikatakan seorang ulama dari Aceh Indonesia, telah banyak menulis dan memberi syarahan yang nampaknya mengecil-ngecilkan sahaja keadaan

dan ulama-ulama di Tanah Melayu, yang banyak berdiam beramal daripada berkata-kata. Ulama-ulama di Tanah Melayu berdiam sahaja – tidak menjawab apa yang disebut oleh Tengku Osman itu. Dengan kerana itu maka Tengku Osman nampaknya semakin jadi lalu menuduh ulama-ulama di sini mengambil zakat hak fakir miskin untuk mereka. Tuduhan seperti ini tidak patut dikeluarkan untuk memburukkan keadaan-keadaan alim ulama di Tanah Melayu. Barangkali Tengku Osman hanya dengar sahaja lalu menuduh dengan yang bukan-bukan. Kalau ada seorang berdua membuat seperti yang dikata oleh Tengku Osman janganlah dipukul borong – kalau dipukul borong adalah sifatnya menghina. Bahkan kelak orang di Malaya pula akan membongkar pula nanti hal-hal ulama Indonesia – kalau terbongkar tentunya tidak baik kerana adakah gading yang tidak retak? Cakaplah Tengku baik-baik dan saksama – jangan menepuk dada seolah-olah awak seorang sahaja yang fakir – orang lain terutamanya di Malaya bodoh-bodoh sahaja – ingatlah jangan selalu menepuk dada. Orang di Malaya juga cukup tahu “padi yang makin berisi itu semakin runduk – dan kalau padi kosong ia selalu tegak” dan kalau selalu tegak pakai aku dan aku. Kalau aku dan aku yang lebih sifat itu tidak dibuat oleh orang yang beriman tetapi oleh

* * *

Orang-orang Islam di Singapura dikhabarkan telah gelisah tentang peraturan-peraturan yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah Singapura mengenai perkara nikah dan cerai. Seseorang ulama yang terkemuka di sini telah pernah membawa perhatian kepada kita menyatakan yang ia menerima pengaduan daripada beberapa orang yang disebutnya atas perkara-perkara:

- 1) Ada seorang bapa hendak mengahwinkan anaknya yang berumur kurang sebulan enam belas tahun telah ditolak.
- 2) Perceraian yang dilafazkan seorang suami atas isterinya sebelum disetujui oleh perempuan tidak diterima pendaftarannya.

3) Seseorang yang ada isteri tidak boleh berkahwin

* * *

melainkan mendapat izin daripada isterinya yang pertama.

Beliau berkata apakah ini hukum Islam atau bagaimana?

Tuan David Marshall dari Parti Buruh

Jelasnya bukan hukum Islam mengapa didiamkan? Beliau

yang berkata ini khabarnya seorang daripada ahli Majlis

Islam Penasihat Kerajaan sedang majlis itu

diam-diam sahaja. Pengerusi majlis itu diam-diam sahaja

dalam hal itu tetapi beliau nampaknya bersedia bertelagah

dan berkeras untuk membuat sesuatu yang dikatakan boleh

“nampaklah-nampaklah”. Begitulah keadaannya perkara Islam

di Singapura – kalau yang hak sulit ada orang yang berani

menegakkanya dan mempertahankannya. Kalau mengikut istilah Islam

or

Singapura telah mendatangkan pertanyaan mengenai adakah kerajaan

memberi bantuan-bantuan kepada orang-orang yang pergi haji. Sekali

baca orang terperanjat mendengar pertanyaan Tuan Marshall

kerana sepatutnya pertanyaan itu datangnya dari orang-orang

Islam. Tetapi setelah dihalusi rupanya hujungnya ada

iaitu apakah pula langkah kerajaan terhadap orang-orang pelarian

China dari negeri Komunis ke Hong Kong.

Berabe, kata orang Jakarta. Rupanya telunjuk

lurus kelingking berkait – tujuan baik nampaknya tetapi

jari mengait. Mudah-mudahan orang-orang Islam sedar ke mana



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tetamu negara: Yang Maha Mulia Raja Thailand

sedang menerima kehormatan dari pasukan tentera ketika baginda tiba di Kuala Lumpur baharu-baharu ini.